



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

03 OGOS 2021 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

03 OGOS 2021 (SELASA)

Harga minyak masak tak boleh lebih RM29.70

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengerakkan semua anggota penguat kuasanya di seluruh negara bagi membuat pemantauan dan memastikan minyak masak botol lima kilogram (kg) dijual tidak melebihi harga maksimum iaitu RM29.70 mulai kelmarin.

BERITA DI MUKA 3



Jual minyak masak botol tak ikut harga siling boleh dikenakan tindakan bermula 1 Ogos

Operasi buru peniaga tamak bermula

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Para peniaga kini tidak boleh lagi menaikkan harga runcit minyak masak botol sesuka hati selepas kerajaan melaksanakan penetapan harga siling produk tersebut berkuat kuasa semalam di seluruh negara.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, pemantauan dan pemeriksaan ketat sedang dan akan dilakukan bagi mengesan mana-mana peniaga yang melanggar harga maksimum yang ditetapkan kan itu.

"Pegawai dan anggota akan melakukan pemeriksaan ke atas peniaga di seluruh negara bagi memastikan mereka mematuhi harga siling yang ditetapkan KPDNHEP," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Harga siling minyak masak botol 5 kilogram (kg) adalah RM29.70, manakala botol 1kg pula RM6.70.

Kerajaan turut menetapkan harga minyak masak botol 2kg dan 3kg masing-masing RM12.70 serta RM18.70.

Penetapan harga siling itu dibuat berdasarkan pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai komitmen kerajaan bagi membantu rakyat dalam meringankan beban kos sara hidup dan menangani isu harga ekoran lonjakan harga runcit produk itu disebabkan kenaikan peningkatan harga komoditi



AZMAN membuat pemantauan harga berikutan penetapan harga baharu minyak masak botol di Johor Bahru, Johor kelmarin. – IHSAN KPDNHEP

kelapa sawit di pasaran antara-bangsa, awal tahun ini.

Azman memberitahu, beliau bersama 15 pegawai penguat kuasa lain melakukan pemantauan harga produk itu di beberapa pasar raya di sekitar Johor Bahru kelmarin.

Tindakan diambil terhadap

peniaga yang gagal mematuhi harga baharu yang ditetapkan KPDNHEP di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Sabit kesalahan, peniaga yang ingkar boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dituduh kum penjara tidak melebihi tiga

tahun atau kedua-duanya atau kompaun sebanyak RM50,000.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan bersetuju melaksanakan program harga kawalan berasaskan nilai ambol bagi kuantiti 5kg tidak melebihi RM30.



KERATAN Kosmo! 21 Julai 2021.



Pelaksanaan harga maksimum itu dibuat selepas mengambil kira pandangan pelbagai agensi, pihak industri dan trend harga produk di pasaran domestik."

Penetapan harga siling itu tertakluk di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum bagi Minyak Masak) 2021. Pelaksanaan harga maksimum itu dibuat selepas mengambil kira pandangan pelbagai agensi, pihak industri dan trend harga produk di pasaran domestik.

Tajibah Azman, pembelian subsidi bagi minyak masak dalam bungkusan polibeg 1kg masih kekal berharga RM2.50.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai pelanggaran harga barangan itu boleh membuat aduan melalui portal e-aduan.kpdnhep.gov.my atau 1-800-886-800 dan aplikasi WhatsApp di nombor 019-2794317.

*Harga (RM/kg) Sumber: KERNHERP